

21 JAN 1996

Mahathir-Pendatang

MALAYSIA TEGAS MENGHANTAR BALIK PENDATANG TANPA IZIN VIETNAM

LANGKAWI, 21 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tegas dengan pendiriannya untuk menghantar balik pendatang tanpa izin Vietnam yang kini ditempatkan di Kem Transit Sungai Besi di Kuala Lumpur.

Katanya memandangkan negara-negara ketiga enggan menerima mereka, mereka perlu dihantar pulang.

"Negara-negara ketiga berjanji untuk tidak membebaskan kita tetapi kini mereka enggan berbuat demikian dan jika mereka berhak untuk enggan menerima mereka, kita juga mempunyai hak yang sama," katanya.

"Kita akan tegas dan bagaimana sekalipun kita akan hantar mereka balik," katanya kepada pemberita selepas lawatan dua hari ke pulau bebas cukai ini.

Perdana Menteri mengulas rusuhan di kem itu pada Khamis dengan sekumpulan pendatang itu membakar blok tempat tinggal mereka dan bertempur dengan polis mengakibatkan 24 orang cedera termasuk tujuh anggota polis.

Seorang daripada pendatang itu mati semasa menerima rawatan di Hospital Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak dapat menerima mereka yang datang ke negara ini dan menimbulkan masalah.

"Kita bersimpati dengan mereka (pendatang) tetapi simpati kita ada hadnya," katanya.

Lebih-lebih lagi, katanya, mereka ini bukan pelarian politik tetapi pelarian ekonomi.

Ditanya sama ada pendatang tanda izin ini boleh dihantar pulang menjelang 30 Jun seperti dinyatakan oleh Pengarah Pasukan Petugas Laksmana Muda Datuk Yaacob Daud, Dr Mahathir berkata beliau tidak pasti mengenainya.

-- BERNAMA